

18 MAR 1999

Memorandum

PENTERNAK BABI MINTA BUKIT PELANDUK DIISYTIHAR KAWASAN BENCANA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Penternak babi dan penduduk Bukit Pelanduk di Negeri Sembilan, kawasan yang paling teruk terlibat dengan jangkitan Japanese Encephalitis (JE), merayu supaya kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan bencana.

Mereka juga mahu supaya tindakan pengasapan dari udara untuk mencegah pembiakan nyamuk culex, yang membawa virus itu, dijalankan serta-merta dan dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Mereka membuat rayuan itu dalam satu memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diserahkan di pejabatnya hari ini.

Seorang pegawai pejabat Perdana Menteri menerima memorandum itu yang mengandungi tandatangan 100 penternak babi dan penduduk Bukit Pelanduk.

Kerajaan telah menubuhkan sebuah pasukan petugas yang diketuai Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng. Pasukan petugas itu mengandungi Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Penerangan dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Ia ditugaskan antara lain untuk memusnahkan babi di kawasan ladang ternakan yang sudah ditinggalkan, meluaskan gerakan pengasapan untuk mencegah nyamuk di kawasan Bukit Pelanduk dan meluaskan gerakan menyuntik mereka yang dalam kumpulan berisiko tinggi.

Penternak dan penduduk itu juga merayu supaya kerajaan menubuhkan sebuah tabung ganti rugi ternakan dengan dana berjuta ringgit untuk membayar ganti rugi bagi setiap babi yang dimusnahkan, dan mengadakan kemudahan kredit RM100 juta daripada pelbagai tabung pemulihan industri kecil dan sederhana (IKS) yang berjumlah RM7.4 bilion, untuk menyelamatkan penternak babi daripada bankrap.

Kejadian penyakit JE melibatkan bukan sahaja industri ternakan babi tetapi juga kesihatan umum kerana punca sebenarnya ialah nyamuk culex, kesihatan dan keselamatan nyawa manusia, malah ketenteraman masyarakat majmuk, kata mereka.

-- BERNAMA

RV RM NMO